

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### Offspring mencari ‘The Baby’

---

#### Sorotan Utama:

- Offspring melancarkan ‘Baby Search’ untuk mencari bayi comel yang mempunyai ekspresi autentik yang paling unik; dua bayi yang dipilih akan menjadi wajah baru jenama Offspring
- Pemenang mingguan akan dipilih selepas acara penyertaan dalam talian; acara akhir akan diadakan secara fizikal untuk memilih wajah Offspring yang baru
- Menekankan bahawa semua bayi adalah cantik dan unik melalui kerjasama dengan penaja AEON dan Happikiddo, serta disokong oleh rakan media Parenthood Magazine Malaysia

**KUALA LUMPUR, OKTOBER 11 2022** - Peraduan bayi yang dinanti-nantikan telah tiba. Offspring Inc Sdn Bhd (“Offspring”), anak syarikat ‘Sustainable Healthcare’ SEDANIA Innovator Berhad akan mengadakan ‘Baby Search’ 2022 untuk mencari wajah jenamanya yang baru.

Bayi yang dipilih oleh Offspring akan mempunyai ekspresi autentik yang paling unik. Ini menandakan kepercayaan Offspring bahawa semua bayi dicipta sama dan cantik serta ingin terus menyediakan produk terbaik, tulen dan selamat untuk cahaya mata ibubapa.

Ketua Pegawai Eksekutif Offspring Mohamed Roslan Ismail berkata, “Semua bayi dicipta comel dan unik. Oleh itu, kita bukan sahaja meraikan yang paling comel atau paling cantik. Offspring ingin menonjolkan, menghormati dan mengiktiraf semua ekspresi autentik bayi comel melalui pertandingan ‘Baby Search’ ini. Bermula dari detik-detik lucu, comel, huru-hara dan pelbagai lagi momen yang tidak ternilai, ini membentuk bahagian unik dan menakjubkan dari realiti bayi yang kami di Offspring amat menghargai.

“Misi Offspring adalah untuk meningkatkan kehidupan secara lestari dengan meletakkan asas bagi memupuk zaman kanak-kanak yang sihat, dan pertandingan ini mengukuhkan lagi matlamat ini. Saya percaya kami boleh menyumbang secara positif kerana produk kami selamat untuk bayi dan juga alam sekitar, sesuatu yang ibu bapa moden boleh mengenal pasti dengan kukuh. Oleh itu, kami berharap ‘Baby Search’ ini bukan sahaja dapat meraikan bayi dengan cara yang comel dan menggembirakan, tetapi juga dapat menanam dalam minda ibu bapa dan juga masyarakat budaya kelestarian yang diwakili oleh Offspring.”



‘Baby Search’ merangkumi peraduan dalam talian setiap minggu untuk lima minggu berturut-turut, dengan acara akhir diadakan secara fizikal pada 19 November 2022.

Mulai 10 Oktober, setiap minggu Offspring akan memilih dua pemenang daripada dua kategori. Setiap kategori akan dibuka kepada kumpulan umur diantara 3-12 bulan (kumpulan 1) dan 1-2 tahun (kumpulan 2). Selepas itu, hanya 10 pemenang daripada peraduan mingguan akan disenarai pendek untuk peringkat akhir, yang akan diadakan secara fizikal.

Sepuluh finalis bayi yang diiringi ibubapa mereka akan bersaing dalam lima kategori di hadapan panel hakim dalam peringkat akhir ini.

Bayi-bayi yang terpilih sebagai pemenang bukan sahaja mendapat hadiah wang tunai dan produk bayi Offspring, mereka juga akan menjadi wajah Offspring selama satu tahun.

Untuk menyertai ‘Baby Search’, anda hanya perlu membuat pembelian mana-mana produk Offspring di kedai webnya <https://offspringinc.com/shop-all>, kedai runcit fizikal terpilih atau mana-mana saluran e-dagangnya.

Setiap peserta hanya perlu memuat naik salinan resit dan mengikuti proses pendaftaran, yang juga termasuk langkah paling penting di mana foto atau video bayi/kanak-kanak akan dimuat naik.

Peserta mendapat satu penyertaan untuk setiap pembelian yang dibuat. Mereka boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dan juga memasuki lebih daripada satu kategori selagi resit pembelian yang lain disertakan untuk setiap penyertaan yang berbeza.

Usaha Offspring untuk menganjurkan acara yang ditunggu-tunggu ini juga telah banyak dibantu oleh dua penajanya; AEON dan Happikiddo, serta rakan media eksklusifnya Parenthood Magazine Malaysia.

AEON ialah sebuah Kedai Barangan Am terkemuka merangkap rangkaian pasar raya dengan 34 cawangan kedai AEON, 28 pusat membeli-belah AEON, serta pelbagai cawangan lain seperti AEON Wellness, Daiso dan Komai-so di seluruh Malaysia.

Happikiddo ialah salah satu kedai dalam talian bayi terkemuka di Malaysia yang berdedikasi untuk menawarkan ibu dan bapa pengalaman membeli-belah dalam talian yang hebat dengan membantu mereka membeli produk bayi yang diperlukan untuk tahun-tahun awal bayi yang berharga.

Rakan media eksklusif Offspring, Parenthood Magazine Malaysia, adalah perintis serta penerbitan ibu dan bayi yang paling lama beroperasi di Malaysia.

Untuk mengetahui butiran lanjut tentang peraduan dan/atau mendaftar untuk ‘Baby Search’ 2022, sila layari <https://offspringinc.com/baby-search>.



- Tamat -

\*\*\*\*\*

#### **Mengenai Offspring Inc Sdn Bhd**

Offspring adalah jenama produk bayi organik premium dan paling pesat berkembang, dengan kini lebih 170 SKU tersedia di 23 negara merangkumi Amerika Syarikat, Eropah, Asia Tenggara dan juga Afrika melalui saluran jualan dalam talian dan kedai runcit terpilih.

Konsumer suka rangkaian produk penjagaan kesihatannya yang lestari seperti lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi, barang keperluan penjagaan bayi, dan produk isi rumah yang menggunakan bahan berdasarkan tumbuhan, organik serta tidak bertoksik. Memandangkan semua produk ini dihasilkan menggunakan bahan yang tidak berbahaya kepada alam sekitar, penggunaan produk-produk tersebut membolehkan kelestarian dengan membantu konsumen memainkan peranan dalam mengurangkan pelepasan karbon.

Selain produknya mesra alam dan berdasarkan organik yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga selamat dan lestari seperti yang dibuktikan oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya. Ini termasuk EcoCert, bebas alahan Australia, sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak bertoksik.

Log masuk ke [www.offspringinc.com](http://www.offspringinc.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk penjagaan kesihatan mesra alam kami.

#### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad**

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaraian pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

SEDANIA melabur dalam kelestarian tenaga masa depan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.



Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 23 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620

E-mel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

atau

Darryl Louis De Souza

Tel: 03-7880 2001 / +6017 2407 881

E-mel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)